



● PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (kiri) berbincang dengan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam merangkap Presiden MIC, Datuk S. Samy Vellu di perhimpunan agung ke-31 MIC di Kuala Lumpur semalam. Memerhati di kanan ialah Setiausaha Agung MIC, Encik M. Mahalingam. — Foto Berita Minggu.

# 'Malaysia tak demokratik' Golongan suka kecam dibidas

**KUALA LUMPUR, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas golongan tertentu yang tidak berhenti-henti mengecam kononnya Malaysia tidak demokratik, kolot, kejam dan menyekat kebebasan rakyat.

Demokrasi tulen sebenarnya tidak wujud di mana-manapun di seluruh dunia, tegas Perdana Menteri, sewaktu berucap merasmikan Perhimpunan Agung Ke-31 MIC di Bangunan Risa di sini hari ini.

"Memang kita akui bahawa kita tidak sebeb apa yang didapati dalam buku-buku yang mengupas teori demokrasi.

"Setengah-setengah negara yang begitu lanjut mengakui diri me-

reka demokratik, senang-senang mengintip hal peribadi rakyat mereka dan tanpa segan-silu campur tangan dalam hal-hwal negara lain.

"Mereka adakan bermacam-sekatan, tetapi oleh sebab wartawan-wartawan dan penulis-penulis mereka mempunyai prasangka terhadap kita, yang dikemukakan ialah kita."

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, kebebasan tanpa batasan hanya akan menggalakkan golongan yang tidak bertanggungjawab melakukan keganasan.

"Tujuan saya menyebut perkara ini ialah kerana ada di kalangan rakyat kita yang begitu terpengaruh dengan mentaliti asing hingga mereka hanya dapat menyanjung apa yang ada pada orang lain sahaja dan mengancam bermati-matian negara dan tanahair mereka sendiri.

"Memang ada kebalikan pada orang lain, tetapi ini tidak bermakna yang ada pada kita semuanya tidak baik. Kebebasan tanpa batasan hanya menggalakkan golongan yang tidak bertanggungjawab melakukan keganasan.

"Apakah demokrasi untuk merestui orang yang menganas dan apakah hidup dalam keadaan anarki dan ketakutan itu demokrasi? Tentu tidak, tetapi kalau demokrasi dianggap kebebasan mutlak, ia bermakna melindungi keburukan dan kejahatan serta mengancam kebebasan dan kebebasan majoriti," jelas Perdana Menteri.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri 5798  
No. Penerbitan 115 / 86